

→ PENDIDIKAN

Pekerja dipelawa sambung pengajian

→ UMP Advanced tawar 4 program sarjana muda separuh masa

Oleh Shahrinnahar Latif
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi anak syarikatnya, UMP Advanced mempelawa orang ramai, terutama pekerja menyambung pelajaran dalam empat program sarjana muda separuh masa ditawarkan.

Program itu ialah Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik), Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) dengan kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kepujian.

Pengurus Kanan Akademik UMP Advanced, Amirul Ahmad, berkata pihaknya memperluaskan akses pendidikan kepada kumpulan sasaran dalam menawarkan program Ijazah Sarjana Muda separuh masa selaras hasrat kerajaan meningkatkan taraf pendidikan rakyat.

Peluang tambah kemahiran

"Program ini memberi peluang kepada pekerja yang ingin menambah kemahiran dan meningkatkan kelayakan akademik ke peringkat tinggi serta mahu mengubah taraf sosioekonomi.

"Tempoh pengajian bagi setiap program dianggarkan lima tahun dan kelas dilaksanakan pada Sabtu dan Ahad, iaitu dua minggu sekali," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Amirul berkata, program ijazah sarjana muda separuh masa yang dikendalikan di kampus UMP Gambang dan Pekan itu mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta badan profesional lain.

"Program ini direka khusus bagi pekerja. Semua kursus dikendalikan tenaga pengajar UMP berpengalaman dan berkelayakan se-

lain fleksibel serta memenuhi keperluan industri," katanya.

Beliau berkata, pemohon perlu memiliki diploma atau setaraf dalam bidang berkaitan dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 2.50 ke atas bagi lepasan universiti awam, CGPA 3.00 ke atas bagi lepasan universiti swasta serta politeknik.

Sesi pengambilan dua kali setahun

Bagi mereka yang tidak memenuhi syarat berkenaan, katanya, tetap berpeluang mengikuti pengajian dengan syarat mempunyai dua tahun pengalaman bekerja.

Katanya, sesi pengambilan dilaksanakan dua kali setahun, iaitu kemasukan Februari serta September dan permohonan boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari umpadvanced.ump.edu.my atau menghubungi talian 012-670 3001 atau 012-652 3001.

"Yuran ditetapkan adalah berpatutan dan pemohon boleh mendapat pembiayaan pengajian daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) dan badan pembiayaan berkaitan yang lain," katanya.

(FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)



Amirul menunjukkan iklan sarjana muda separuh masa ditawarkan UMP.